



21 Julai 2014
21 July 2014
P.U. (A) 217

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPAT) (KELENGKAPAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI) 2014

INCOME TAX (ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE) (INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY EQUIPMENT) RULES 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPAT)
(KELENGKAPAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b), dan perenggan 10 dan 15 Jadual 3 kepada, Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2014**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2016 kecuali kaedah 8.

(3) Kaedah 8 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2018.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi” ertinya kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“pembelian apa-apa kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi” termasuklah pemasangan kelengkapan itu.

Pemakaian

3. Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi seseorang pemastautin di Malaysia, berkenaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan oleh orang itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada suatu punca yang terdiri daripada perniagaannya

berhubung dengan pembelian apa-apa kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi yang digunakan bagi maksud perniagaan itu.

Peruntukan menyifatkan berhubung dengan perjanjian sewa beli

4. Jika orang yang disebut dalam kaedah 3 melakukan perbelanjaan modal di bawah suatu perjanjian sewa beli bagi pembelian apa-apa kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi bagi maksud perniagaan orang itu—

(a) orang itu hendaklah dikira sebagai tuan punya kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi itu; dan

(b) perbelanjaan modal yang dilakukan oleh orang itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran hendaklah dikira sebagai bahagian modal daripada apa-apa bayaran ansuran atau, jika terdapat lebih daripada satu bayaran, daripada agregat bayaran yang dibuat oleh orang itu di bawah perjanjian sewa beli itu dalam tempoh asas itu.

Elaun permulaan

5. Orang yang disebut dalam kaedah 3 layak untuk mendapat elaun permulaan yang diperuntukkan dalam perenggan 10 Jadual 3 kepada Akta yang hendaklah bersamaan dengan satu per lima daripada perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pembelian apa-apa kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi.

Elaun tahunan

6. Orang yang disebut dalam kaedah 3 layak untuk mendapat elaun tahunan yang diperuntukkan dalam perenggan 15 Jadual 3 kepada Akta yang hendaklah bersamaan dengan empat per lima daripada perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pembelian apa-apa kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi.

Ketidakpakaian

7. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi seseorang jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

- (a) orang itu telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];
- (b) orang itu telah diberikan elaun pelaburan semula atau elaun pelaburan masing-masing di bawah Jadual 7A atau 7B Akta;
- (c) orang itu telah diberikan apa-apa pengecualian di bawah seksyen 127 Akta; atau
- (d) orang itu telah layak bagi suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah lain yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta.

Penarikan balik elaun modal

8. Jika seseorang menjual, memindahkan, memindahkan hakmilik, menyerahkan atau memberikan hakmilik sesuatu kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi dengan atau tanpa balasan pada bila-bila masa dalam masa dua tahun dari tarikh pembelian kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi itu, elaun yang disebut dalam kaedah 5 dan 6 berkenaan dengan kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi itu hendaklah ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang orang itu menjual, memindahkan, memindahkan hakmilik, menyerahkan atau memberikan hakmilik kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi itu dengan atau tanpa balasan.

JADUAL
[Kaedah 2]

Sistem kawalan laluan masuk
Sistem perbankan
Kelengkapan kod bar
Peletus/pengumpul aing
Kabel dan penyambung
Reka Bentuk Bantuan Komputer (CAD)
Pembuatan Bantuan Komputer (CAM)
Kejuruteraan Bantuan Komputer (CAE)
Pembaca kad
Komputer dan komponen
Unit Pemprosesan Pusat (CPU)
Storan
Skrin
Pencetak
Pengimbas/pembaca
Aksesori
Komunikasi dan rangkaian
Sistem perisian atau pakej perisian

Dibuat 4 Julai 2014
[Perb.CR(8.20)116/1-138(2014)(SJ.1)(SK.4); LHDN.01/35/(S)/42/51;
PN(PU2)80/LXXV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan
1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE)
(INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY EQUIPMENT) RULES 2014

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of, and paragraphs 10 and 15 of Schedule 3 to, the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Accelerated Capital Allowance) (Information and Communication Technology Equipment) Rules 2014**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2014 until the year of assessment 2016 except rule 8.

(3) Rule 8 has effect from the year of assessment 2014 until the year of assessment 2018.

Interpretation

2. In these Rules—

“information and communication technology equipment” means information and communication technology equipment as specified in the Schedule;

“purchase of any information and communication technology equipment” includes the installation of such equipment.

Application

3. These Rules apply to a resident in Malaysia, in respect of capital expenditure incurred by such person in the basis period for a year of assessment from a source consisting of his business in relation to the purchase of any information and communication technology equipment used for the purpose of that business.

Deeming provision relating to hire purchase agreement

4. Where the person referred to in rule 3 incurs capital expenditure under a hire purchase agreement for the purchase of any information and communication technology equipment for the purposes of his business—

(a) such person shall be treated to be the owner of such information and communication technology equipment; and

(b) the capital expenditure incurred by such person in the basis period for a year of assessment shall be taken to be the capital portion of any installment payment or, where there is more than one such payment, of the aggregate of those payments made by such person under such hire purchase agreement in that basis period.

Initial allowance

5. The person referred to in rule 3 qualifies for an initial allowance as provided for in paragraph 10 of Schedule 3 to the Act which shall be equal to one-fifth of the capital expenditure incurred for the purchase of any information and communication technology equipment.

Annual allowance

6. The person referred to in rule 3 qualifies for an annual allowance as provided for in paragraph 15 of Schedule 3 to the Act which shall be equal to four-fifths of the capital expenditure incurred for the purchase of any information and communication technology equipment.

Non-application

7. These Rules shall not apply to a person if in the basis period for a year of assessment—

(a) the person has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327];

- (b) the person has been granted a reinvestment allowance or an investment allowance under Schedule 7A or 7B to the Act respectively;
- (c) the person has been granted any exemption under section 127 of the Act;
or
- (d) the person has qualified for a deduction under any other rules made under section 154 of the Act.

Withdrawal of capital allowance

8. Where a person sells, conveys, transfers, assigns or alienates an information and communication technology equipment with or without consideration at any time within two years from the date of the purchase of such information and communication technology equipment, the allowances referred to in rules 5 and 6 in respect of such information and communication technology equipment shall be withdrawn in the basis period for the year of assessment in which such person sells, conveys, transfers, assigns or alienates the information and communication technology equipment with or without consideration.

SCHEDULE

[Rule 2]

Access control system
Banking systems
Barcode equipment
Burststers/decollators
Cables and connectors
Computer Assisted Design (CAD)
Computer Assisted Manufacturing (CAM)
Computer Assisted Engineering (CAE)
Card readers
Computers and components
Central Processing Units (CPU)
Storages
Screens
Printers
Scanners/readers
Accessories
Communications and networks
Software systems or software packages

Made 4 July 2014

[Perb.CR(8.20)116/1-138(2014)(SJ.1)(SK.4); LHDN.01/35/(S)/42/51;
PN(PU2)80/LXXV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act
1967]*